

16/07/2002

Forum bincang cabaran umat masa kini

KUALA LUMPUR, Isnin - Forum Antarabangsa Mengenai Islam (Kalif), yang akan diadakan di ibu negara mulai 19 hingga 21 Julai ini, dapat menjadi landasan bagi membincangkan cabaran yang dihadapi umat Islam kini.

Malah, forum itu yang diilhamkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bukan saja disertai ulama dan pemikir Islam, tetapi turut menghimpunkan intelek dari pelbagai bidang, termasuk sains politik, undang-undang, sosiologi dan antropologi.

Pengarah forum berkenaan, Khairy Jamaluddin, berkata forum bertemakan 'Islam dan Politik' itu akan menumpukan perbincangan mengenai isu dan cabaran umat Islam dalam dunia kontemporari.

"Timbalan Perdana Menteri melihat kemampuan Malaysia menganjurkan forum antarabangsa seperti Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) bagi kerjasama Selatan-Selatan.

"Sehubungan itu, beliau merasakan kita juga perlu menyediakan forum ini supaya wujud interaksi dan dialog di semua peringkat dalam menumpukan isu mengenai agama Islam," katanya.

Khairy yang juga Pegawai Khas Timbalan Perdana Menteri, berkata forum itu diharap dapat membuka pandangan dunia kepada masalah yang dihadapi umat Islam kini.

Di samping itu, beliau berkata, penganjuran Kalif juga dapat menjadikan Malaysia sebagai negara contoh yang progresif dalam usaha memperjuangkan agama Islam.

Melalui Kalif, Malaysia akan membentangkan 'Konsep Negara Islam' dan 'Dialog dengan Barat: Menjalinkan Komunikasi Progresif dan Toleran Secara Islam'.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan ucap tama pada hari pertama forum itu yang akan diadakan di Hotel Sheraton Imperial di sini manakala Abdullah akan menutupnya.

Speaker dari pelbagai negara termasuk Pakistan, Afghanistan, Turki, Iran, Indonesia, Amerika Syarikat dan Kanada akan menghadiri forum berkenaan.